

BE RITA HARIAN

Umno perlu menangi hati Melayu

Barisan Nasional kena ubah strategi politik, dengar rintihan rakyat

Analisis

Oleh Norfatimah Ahmad

APA yang paling ketara pada Pilihan Raya Umum Ke-12 ialah perubahan sikap orang Melayu yang sanggup membelakangkan calon Barisan Nasional (BN) terutama Umno, untuk memihak kepada pembangkang.

Keadaan itu turut mengguris hati pejuang veteran Umno seperti Tan Sri Aishah Ghani yang nyata terkilan dengan keadaan yang berlaku.

"Saya ni... sejak hari mengundi lagi dok menangis dalam hati saja. Nak buat macam mana lagi, semua dah berlalu, orang Melayu dah tak sebijak dulu dalam memilih kerajaan dan pemimpin," katanya.

Itu baru satu keluhan yang diluahkan tokoh veteran Umno itu. Bayangkan bagaimana pula perasaan ramai lagi pejuang parti yang rela menggadai nyawa dan harta sejak sebelum merdeka semata-mata untuk mempertahankan tanah air dan kedaulatan Melayu.

Memang bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno itu mengaku 'patah hati' dengan orang Melayu dan pada mulanya sukar menerima keputusan pilihan raya umum baru-baru ini.

Pada beliau, apa yang berlaku mungkin kerana orang Melayu sekarang tidak sedar, orang Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) pun tidak sedar bahawa DAP sebenarnya mempergunakan mereka untuk mendapatkan kuasa memerintah.

"Jangan terlalu lama biarkan keadaan seperti ini, kalau tidak semua orang Melayu akan jadi hamba di tanah air sendiri. Sekarang ini pun dah nampak bayangan mereka nak hapuskan orang Melayu," katanya.

Jika Aishah begitu kesal, marah, sedih, geram dan kecewa kerana tindakan orang Melayu memihak kepada parti pembangkang menyebabkan lima negeri tumpas ke tangan pakatan - DAP, Pas dan PKR, bagaimana pula perasaan orang Melayu keseluruhannya.

Apakah veteran wanita itu membayangkan suara orang Melayu atau ia sekadar menyampaikan mesej segelintir pengundi saja. Sukar untuk dijawab kerana umum tahu, undi adalah dihasia dan bancia sikap yang dijalankan Wanita Umno terhadap orang Melayu seluruh negara pula menunjukkan sokongan memihak kepada Umno dan BN.

Jika itulah hasil kajiannya, kenapa pula keputusan pilihan raya umum lalu yang turut menyaksikan beberapa menteri dan timbalan menteri selain tokoh parti komponen, tumbang di tangan pembangkang.

Jelas di sini, sama ada menyokong pembangkang atau tidak - hakikatnya, terlahak perahu boleh diundur tapi tersalah pangkah (kertas undi), empat lima tahun lagi pun belum tentu dapat menebus kekesalan.

Pilihan raya umum kali ini menyaksikan BN gagal mempertahankan majoriti dua pertiga kerusi apabila menang 140 daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dengan selebihnya dikuasai parti pembangkang, dan 307 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan empat negeri baru dirampas pembangkang iaitu Kedah, Selangor, Perak dan Pulau Pinang, manakala Kelantan kekal di tangan Pas.



"Jangan terlalu lama biarkan keadaan seperti ini, kalau tidak semua orang Melayu akan jadi hamba di tanah air sendiri"

Aishah Ghani
Veteran Umno

Ini adalah pencapaian terburuk BN dalam sejarah.

Berikutan itu, Pulau Pinang mempunyai Ketua Menteri baru dengan pelantikan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng yang sebaik majlis angkat sumpah jawatan itu mengumumkan untuk membebaskan pentadbiran negeri itu daripada amalan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Tindakan itu menimbulkan kemarahan penduduk Melayu negeri itu hingga mendorong mereka mengadakan perhimpunan bagi membantah keputusan pentadbiran baru negeri berkenaan.

Kali ini juga istana turut terheret dalam pergolakan pemilihan Menteri Besar.

Keadaan ini, bagaimanapun jelas menunjukkan bahawa institusi diraja akan tetap menjadi rujukan tertinggi bagi mempertahankan kedudukan dan kedaulatan orang Melayu di tanah air sendiri.

Bagi Ketua Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohammad Agus Yusoff, arus perubahan yang melanda senario politik negara tidak seharusnya diletakkan pada orang Melayu saja dan jangan pula menganggap orang Melayu tidak lagi matang hanya kerana keputusan banyak memihak kepada pembangkang.

"Hanya 10 hingga 15 peratus orang Melayu yang beralih kepada pembangkang, itu pun di kalangan pengundi atas pagar yang majoritinya muda dan kontemporari. Mereka ini sebenarnya golongan yang kecewa dan tertekan dengan suasana hidup serta mahukan kelainan dan tidak dapat dielak lagi tentunya mereka percaya pada janji pembangkang yang memberangsangkan.

"Tidak dinafikan, faktor calon, jentera pilihan raya BN yang lemah, manifesto Selamat, Aman dan Makmur yang klise serta perpaduan yang belum mantap turut menyumbang kepada keputusan pilihan raya baru-baru ini," katanya.

Walaupun apa pun yang diperkatakan, sama ada kecewa, marah, geram dan sebagainya seperti luahan Aishah itu, semuanya harus dilihat secara positif kerana rakyat mahu menyampaikan mesej untuk membuka mata pemerintah, tetapi jangan pula anggap orang Melayu tidak bersama

BN atau Umno kerana itu tidak betul.

Oleh itu, kata Dr Mohammad Agus, pemimpin Umno perlu melaksanakan pendekatan politik yang lebih elok.

"Politik Umno perlu lebih relevan dengan keadaan semasa, tidak sepatutnya menampilkan sikap menafikan, tidak terima kenyataan dan menyalahkan orang hingga hilang kepercayaan rakyat.

"Rakyat kini sudah maju, dan pemimpin perlu kejar pemikiran mereka untuk mendapat sokongan," katanya.

Bagi Dr Mohammad Agus, teguran yang disampaikan rakyat itu bukan sekadar diberi perhatian saja, malah perlu dihayati dan seterusnya mencari jalan terbaik untuk diterapkan bagi memastikan majoriti undi orang Melayu berpihak kepada BN pada pilihan raya umum akan datang.

"Walaupun ada tekahan, pemimpin yang ada perlu menanam azam dan memahami aspirasi rakyat dalam pelbagai perkara. Malah, wakil rakyat juga perlu faham mereka sebenarnya berkhidmat bukan berkuasa pada rakyat," katanya.

Jika itulah pandangan yang diluahkan seorang penganalisis politik negara, apa lagi yang perlu dilakukan Umno dan BN, selain terus menggerakkan jentera untuk turun padang dan mendekati rakyat secara lebih telus, bukan hanya untuk memenuhi syarat sebagai wakil rakyat atau pemimpin parti.

Perlu diingat, iktibar pilihan raya kali ini hampir membawa kepada runtuhnya empayar BN walaupun tidak secara menyeluruh, tetapi sekurang-kurangnya tragedi 8 Mac lalu wajar disemat rapi dalam kotak ingatan setiap ahli dan pemimpin parti yang sudah sekian lama menguasai persada politik tanah air.

Rata-rata melihat pembangkang dapat merampas lima negeri daripada BN tanpa perlu berbelanja mewah untuk meletakkan poster atau gambar calon mereka di merata pelosok kawasan yang ditandingi, tetapi calon BN dengan peruntukan besar disediakan parti serta strategi jentera yang begitu lengkap, kenapa pula keputusan mengecewakan yang diperoleh.

Memang Aishah begitu sedih dengan pencapaian Umno dan BN kali ini, tetapi bak kata Dr Mohammad Agus, perasaan sedemikian mungkin dirasai golongan pejuang kemerdekaan dan pemimpin veteran parti yang bertungkus-lumus untuk mempertahankan hak orang Melayu dan memastikan tanah air bebas penjajah.

"Jadi, penting sekali untuk Umno dan BN mendekati golongan muda yang menjadi kumpulan yang mempunyai pendirian sendiri ketika memangkah kertas undi mereka," katanya.

Malah ada yang berpendapat, generasi baru Melayu yang mengundi pembangkang tidak mempunyai semangat kebangsaan, fikiran mereka bercelaru dan hanya terikut-ikut mahukan perubahan.

Pandangan itulah yang selalunya menjadi pegangan veteran parti kerana bagi mereka hanya dengan semangat kebangsaan, golongan itu akan mengundi BN kerana parti tulang belakang BN ialah Melayu, yang memperjuangkan nasib Melayu.

Walau apa juga yang disampaikan, katakata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin menarik untuk dihayati: "Inilah antara waktu genting dalam sejarah Umno. Keputusan rakyat menidakkan majoriti dua pertiga BN buat pertama kali sejak negara merdeka 50 tahun lalu bermakna ada sesuatu yang dekat di hati rakyat tetapi tidak tercapai oleh kerajaan."

"Inilah antara waktu genting dalam sejarah Umno. Keputusan rakyat menidakkan majoriti dua pertiga BN buat pertama kali sejak negara merdeka 50 tahun lalu bermakna ada sesuatu yang dekat di hati rakyat tetapi tidak tercapai oleh kerajaan"

Muhyiddin Yassin
Naib Presiden Umno

"Hanya 10 hingga 15 peratus orang Melayu yang beralih kepada pembangkang, itu pun di kalangan pengundi atas pagaryang majoritinya muda dan kontemporari. Mereka ini sebenarnya golongan yang kecewa dan tertekan dengan suasana hidup serta mahukan kelainan"

Dr Mohammad Agus
Yusoff
Ketua Program Sains Politik, Pusat
Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)